

SULIT

02/2

02/2

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Percubaan PMR

Ogos 2011

2 jam

Nama :

Tingkatan :



JABATAN PELAJARAN KELANTAN
DENGAN KERJASAMA
MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
CAWANGAN KELANTAN



PERCUBAAN PENILAIAN MENENGAH RENDAH
2011

BAHASA MELAYU
KERTAS 2

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi **empat** bahagian.
2. **Bahagian A** terdiri daripada **Bahagian A (i)** dan **Bahagian A (ii)**. Anda dikehendaki menjawab **kedua-dua bahagian** tersebut.
3. **Bahagian B** mesti dijawab.
4. **Bahagian C** mempunyai **lima pilihan** dan anda dikehendaki menjawab **satu** soalan sahaja.
5. **Bahagian D** mesti dijawab.

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak.

02/2 2011 MPSM

[Lihat sebelah
BM 3_2 P_PMR 2011

Bahagian A (i) - Ringkasan
[Masa yang dicadangkan : 40 minit]
[20 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti dan tulis sebuah ringkasan tentang akibat buta maklumat dalam kalangan remaja kita pada hari ini. Panjang ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan menggunakan ayat sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.

Sebahagian daripada masyarakat kita ketinggalan dalam arus kemajuan teknologi maklumat yang terkini. Kemajuan dalam bidang media massa seperti radio, televisyen, dan lain-lain mampu menyampaikan mesej, idea, berita dan pengetahuan. Sehubungan dengan itu, ledakan maklumat yang kian banyak, rencam dan pelbagai itu memerlukan penanganan yang berkesan terutama dalam kalangan remaja untuk memastikan mereka memperoleh sumber maklumat yang sah dan dapat dipertanggungjawabkan.

Sikap malas membaca dan meneroka ilmu pengetahuan amat merugikan remaja. Malangnya, dalam suasana budaya membaca yang masih kurang ini, golongan remaja bukan saja tidak terdedah kepada maklumat yang diperlukan, tetapi juga masih berpegang pada *maklumat tradisi* yang sudah basi sehingga tidak berupaya menggerakkan kemajuan dan menyaingi aliran perdana kemajuan negara. Negara juga akan mengalami kekurangan sumber insan yang berilmu serta berfikiran bertaraf dunia. Suasana ini bertambah kusut apabila berlakunya lambakan majalah picisan yang tidak berilmiah. Ibu bapa sendiri tidak mempunyai sumber maklumat yang jitu dan lengkap sebagai panduan kepada anak-anak mereka. Akhirnya anak-anak dan para remajalah yang menjadi mangsa kekurangan maklumat, tidak dapat mengasah bakat dan kreativiti dalam usaha mereka menguasai ilmu pengetahuan. Remaja pada hari ini tidak berani mencuba sesuatu bidang kerana kekurangan pengetahuan dan ilmu yang berkaitan. Sebagai akibatnya, mereka yang berasa bahawa diri mereka terbelenggu akan berusaha membebaskan diri dengan menerjuni aktiviti-aktiviti anti sosial yang bertentangan dengan nilai-nilai dan norma kelompok masyarakat yang diwakilinya.

Fenomena buta maklumat ini amat mendera para remaja yang masih kabur tentang hala tuju kehidupan dan masa depan mereka. Lantas, mereka yang melepasi alam persekolahan atau mereka yang sedang menunggu keputusan

peperiksaan awam persekolahan menjadi kaku, menganggur, dan hilang keyakinan serta cita-cita. Di sinilah letaknya persoalan dan permasalahan apabila remaja tidak mempunyai maklumat yang lengkap sama ada untuk menceburi bidang kerjaya, memilih pelajaran lanjutan, atau sekurang-kurangnya menggunakan masa yang terluang dengan melibatkan diri dalam aktiviti yang berfaedah. Remaja yang buta maklumat masih tidak mampu memilih bidang yang harus diceburi oleh mereka.

Jelaslah bahawa kepesatan maklumat harus dikuasai oleh remaja kini untuk menentukan mereka tidak ketinggalan atau kematian maklumat. Dengan cara ini, kita dapat membentuk remaja yang bermaklumat seiring dengan keperluan semasa bagi mengharungi kehidupan moden yang semakin mencabar dengan kadar persaingan yang tinggi.

(Dipetik dan diubahsuai daripada
'Ibu Bapa Perlu Prihatin', Zainal Abidin Yahya,
Majalah Ummi, 2008)

Bahagian A (ii) - Pemahaman

[10 markah]

Berdasarkan petikan **Bahagian A(i)**, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.


1. Berikan maksud *maklumat tradisi* dalam petikan. (2 markah)
2. Berdasarkan petikan, nyatakan punca golongan remaja buta maklumat pada hari ini. (4 markah)
3. Pada pendapat anda, apakah yang akan anda lakukan untuk menjadi seorang remaja yang dapat membantu membangunkan negara? (4 markah)

Bahagian B

[Masa yang dicadangkan: 25 minit]

[20 markah]

Berdasarkan gambar di bawah, huraikan pendapat anda tentang **kesan-kesan buruk** yang akan dihadapi oleh seseorang yang menghadapi masalah **obesiti**. Panjangnya huraian anda hendaklah **tidak melebihi 120 patah perkataan**.



Bahagian C

[Masa yang dicadangkan : 45 minit]

[40 markah]

Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis satu karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.


- 1 Setiap pelajar perlu menyertai kegiatan kokurikulum di sekolah.
Ceritakan pengalaman anda semasa menyertai satu aktiviti tersebut.
- 2 "Anak ibarat kain putih, ibu bapalah yang akan mencorakkannya".
Jelaskan pendapat anda tentang ungkapan di atas.
- 3 Sekolah anda akan menganjurkan kempen masyarakat penyayang.
Sempena kempen tersebut, anda sebagai wakil pelajar diminta untuk menyampaikan satu ceramah tentang cara-cara menghargai warga tua.
Sediakan teks ceramah anda selengkapnya.
- 4 Di kawasan tempat tinggal anda, masalah bekalan air sering berlaku.
Hal ini banyak menimbulkan masalah kepada penduduk. Sebagai wakil penduduk, anda ingin mengemukakan masalah ini kepada pihak berkuasa bekalan air.
Tulis surat tersebut selengkapnya.
- 5 'Seekor kerbau membawa lumpur, semuanya terpalit'.
Tulis sebuah cerita yang menarik berdasarkan peribahasa tersebut.

Bahagian D

[Masa yang dicadangkan : 10 minit]

[10 markah]

Jawapan anda mestilah berdasarkan **satu** daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 3.



Berikan **tiga** contoh peristiwa berdasarkan tema novel yang anda kaji.

KERTAS SOALAN TAMAT